

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL AKAUN SIMPANAN-i – AKAUN TERHAD

Yang berikut adalah terma dan syarat yang mengawal pembukaan dan pengendalian Akaun Simpanan-i Akaun Terhad dengan Bank.

1. Takrifan dan Susunan Kata-kata

- 1.1 Dalam Terma dan Syarat ini, perkataan dan pernyataan yang berikut hendaklah mempunyai maksud yang berikut:-
- 1.1.1 “Akaun” bermaksud Akaun Simpanan-i - Akaun Terhad yang dibuka dan disenggara pada masa ini atau pada masa hadapan dengan Bank oleh Pemegang Akaun dan di bawah nama Pemegang Akaun itu sahaja.
 - 1.1.2 “Pemegang Akaun” bermaksud individu yang Akaun dibuka dan disenggara dengan Bank di bawah namanya, mengikut mana-mana yang berkenaan dan hendaklah termasuk waris, wakil peribadi dan penerima serah haknya yang dibenarkan.
 - 1.1.3 “Bank” bermaksud PIBB dan pengganti dan penerima serah haknya.
 - 1.1.4 “BNM” bermaksud Bank Negara Malaysia.
 - 1.1.5 “CRM” bermaksud Mesin Kitar Semula Tunai.
 - 1.1.6 “CRS” bermaksud Standard Pelaporan Biasa.
 - 1.1.7 “FATCA” bermaksud Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing dan termasuk apa-apa pindaan dan enakmen semula undang-undang tersebut.
 - 1.1.8 “APKI” bermaksud Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan hendaklah termasuk apa-apa pindaan dan enakmen semula undang-undang tersebut.
 - 1.1.9 “LHDNM” bermaksud Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
 - 1.1.10 “PIBB” bermaksud Public Islamic Bank Berhad (No. Pendaftaran 197301001433 (14328-V)), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 27, Menara Public Bank, 146, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
 - 1.1.11 “Kumpulan PBB” bermaksud syarikat induk, cawangan, agensi, wakil, pegawai, sekutu, persatuan atau perbadanan PIBB yang berkaitan termasuk subsidiarinya.
 - 1.1.12 “PIDM” bermaksud Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.
 - 1.1.13 “PWTD” bermaksud Pendaftar Wang Tidak Dituntut.
 - 1.1.14 “Penyata Akaun” bermaksud Penyata Akaun bagi Akaun.
 - 1.1.15 “Terma dan Syarat” bermaksud terma dan syarat ini yang mengawal Akaun termasuk apa-apa penambahan, perubahan, pindaan dan/atau semakan semula seperti yang Bank tentukan dari semasa ke semasa.
- 1.2 Perkataan yang mempunyai maksud mufrad hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya.
- 1.3 Perkataan yang membawa maksud gender maskulin hendaklah termasuk gender feminin dan gender neuter dan begitu juga sebaliknya.
- 1.4 Rujukan kepada seseorang termasuk peguam cara, wasi dan pentadbirnya dan Terma dan Syarat ini akan mengikat ke atas orang berkenaan.
- 1.5 Rujukan kepada “termasuk” atau “contohnya” atau perkataan sama yang lain apabila memperkenalkan contoh tidak mengehendkan maksud perkataan yang dijadikan contoh.
- 1.6 Apa-apa terma perbankan yang tidak ditakrifkan atau diperihalkan secara khusus dalam Terma dan Syarat ini hendaklah ditafsirkan menurut amalan am bank-bank dan institusi-institusi kewangan di Malaysia.
- 1.7 Tajuk dan tajuk kecil dalam Terma dan Syarat ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak akan dipertimbangkan dalam susunan kata-kata mana-mana fasal dalam Terma dan Syarat ini.

- 1.8 Apa-apa rujukan kepada statut, akta, peraturan atau garis panduan (“Undang-undang”) dalam Terma dan Syarat ini hendaklah termasuk apa-apa pindaan yang dibuat. Sekiranya Undang-undang tersebut dimansuhkan dan digantikan dengan Undang-undang lain, rujukan tersebut akan dibuat menurut Undang-undang gantian mulai dari tarikh Undang-undang itu dikuatkuasakan.

2. Akaun Simpanan-i - Akaun Terhad

- 2.1 Akaun ini hendaklah diterima pakai untuk warganegara Malaysia berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas.
- 2.2 Akaun ini hanya boleh dibuka dan disenggara di bawah satu nama. Akaun ini tidak boleh dipegang secara bersama dengan orang lain.
- 2.3 Pemegang Akaun hanya dibenarkan untuk membuka dan menyenggara satu (1) Akaun.
- 2.4 Kad debit tidak akan dikeluarkan untuk Akaun ini.
- 2.5 Perbankan internet dan/atau mudah alih tidak akan ditawarkan untuk Akaun ini.
- 2.6 Apa-apa pertukaran Akaun ini kepada jenis akaun simpanan-i yang lain tidak dibenarkan.

3. Borang untuk Membuka Akaun

- 3.1 Pemegang Akaun akan dikehendaki melengkapkan dan menandatangani borang untuk membuka akaun yang ditentukan oleh Bank yang kemudiannya menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat ini.
- 3.2 Dengan menandatangani borang untuk membuka akaun yang ditentukan oleh Bank, Pemegang Akaun mengesahkan dan mengakui bahawa Pemegang Akaun telah menerima, membaca dan faham sepenuhnya Terma dan Syarat ini, Peraturan Akaun Simpanan dan bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengannya.

4. Maklumat/Dokumen

- 4.1 Pemegang Akaun hendaklah memberi butiran, perincian dan maklumat yang diperlukan untuk membuka Akaun dan mengesahkan bahawa semua butiran, perincian dan maklumat tersebut adalah betul. Pemegang Akaun mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan pada butiran, perincian dan/atau maklumat termasuk butiran peribadi.
- 4.2 Bagi pembukaan Akaun, Pemegang Akaun dikehendaki mengemukakan kepada Bank semua dokumen dan/atau borang seperti yang ditentukan oleh Bank, bersama-sama dengan contoh tandatangan untuk rujukan/pengesahan oleh pegawai Bank yang dibenarkan.

5. Deposit dalam Akaun

- 5.1 Pemegang Akaun dikehendaki meletakkan deposit permulaan dalam akaun, tidak kurang daripada amaun minimum yang diterima pakai untuk Akaun seperti yang ditentukan dalam laman web Bank atau yang dimaklumkan oleh Bank dalam Akaun tersebut.
- 5.2 Bank boleh mengenakan dan mengubah amaun minimum bagi:-
- 5.2.1 Deposit permulaan yang perlu didepositkan dalam Akaun;
- 5.2.2 Baki minimum yang mesti dikekalkan dalam Akaun.
- 5.3 Draf dan instrumen boleh niaga lain yang diterima untuk pengkreditan Akaun ini akan diterima untuk kutipan sahaja dan akan hanya diberi nilai hanya selepas perolehan diterima oleh Bank.
- 5.4 Apa-apa caj ejen atau bank yang dikenakan bagi kutipan tersebut akan ditolak daripada sumber dengan hanya perolehan bersih yang akan dikreditkan dalam Akaun .
- 5.5 Apa-apa instrumen boleh niaga yang telah didepositkan dengan Bank tetapi kemudiannya tidak laku akan dipulangkan melalui pos atau ditinggalkan di alamat terakhir Pemegang Akaun yang didaftarkan dengan Bank atas risiko dan tanggungjawab Pemegang Akaun itu sendiri.

6. Pengeluaran daripada Akaun

- 6.1 Pemegang Akaun boleh mengeluarkan wang daripada Akaun sehingga had yang Bank akan tentukan atau semak semula dari semasa ke semasa tertakluk pada baki yang terdapat dalam Akaun. Akaun akan ditutup apabila kesemua baki yang ada dalam Akaun dikeluarkan atau berikutan pelaksanaan undang-undang mengikut peruntukan yang terdapat dalam Terma dan Syarat ini.
- 6.2 Amaun pengeluaran minimum bagi setiap urus niaga akan ditentukan oleh Bank.
- 6.3 Sekiranya Pemegang Akaun mengeluarkan beberapa arahan bertulis untuk pembayaran atau pengeluaran daripada Akaun dan amaun agregat bagi arahan bayaran atau pengeluaran tersebut melebihi baki kredit tersedia atau apa-apa pengaturanan yang dibuat terlebih dahulu dengan Bank, Bank mempunyai hak tanpa mengambil kira tarikh arahan tersebut, waktu penerimaan atau amaun arahan diterima untuk menentukan atas budi bicaranya, arahan mana yang akan dibayar atau dilaksanakan.

- 6.4 Pengeluaran hendaklah dibuat sendiri oleh Pemegang Akaun dengan mengemukakan buku simpanan, yang tidak boleh dipindah milik atau diserahkan, berserta slip urus niaga pengeluaran yang telah dilengkapkan dengan sewajarnya dan pengenalan diri diterima oleh Bank.
- 6.5 Bank tidak membenarkan pengeluaran daripada Akaun sekiranya:
- 6.5.1 Bank tidak menerima bukti pengenalan yang memuaskan;
 - 6.5.2 Dana dalam Akaun tidak mencukupi; atau
 - 6.5.3 Apa-apa undang-undang, perintah mahkamah atau pihak berkuasa penguatkuasaan melarang pengeluaran dana daripada Akaun tersebut.
- 6.6 Bagi mengelakkan keraguan, cek tidak boleh dikeluarkan daripada akaun simpanan-i.

7. Buku Simpanan/Penyata

- 7.1 Satu buku simpanan akan dikeluarkan kepada Pemegang Akaun dengan caj seperti yang ditentukan oleh Bank.
- 7.2 Amaun bagi urus niaga deposit dan pengeluaran akan dimasukkan dalam buku simpanan Pemegang Akaun. Pemegang Akaun hendaklah menyemak buku simpanan sebelum meninggalkan premis Bank bagi memastikan entri yang betul dibuat.
- 7.3 Apa-apa bayaran yang dibuat oleh Bank apabila buku simpanan dikemukakan mempunyai kesan yang sama seperti yang dibuat kepada Pemegang Akaun itu sendiri. Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang dialami oleh Pemegang Akaun atau mana-mana pihak lain bagi pembayaran yang dibuat oleh Bank.
- 7.4 Pemegang Akaun akan menyimpan buku simpanan di tempat yang selamat. Jika buku simpanan hilang, Pemegang Akaun akan memaklumkan kepada Bank dengan segera secara bertulis atau datang sendiri ke Bank. Apabila Bank menerima pemberitahuan bertulis mengenai kehilangan itu, Bank akan membekukan Akaun berkenaan. Pemegang Akaun bertanggungjawab dan akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian yang dialami sekiranya berlaku pengeluaran yang tidak sah atau tanpa keizinan daripada Akaun tersebut sebelum Bank menerima pengesahan secara bertulis atau pemberitahuan daripada Pemegang Akaun sendiri mengenai kehilangan buku simpanan itu, sama ada disebabkan oleh kecuaiannya atau sebaliknya. Bank akan mengenakan apa-apa caj yang diluluskan bagi setiap pengeluaran buku simpanan gantian dengan syarat Pemegang Akaun menandatangani borang tanggung rugi biasa Bank.
- 7.5 Peraturan Akaun Simpanan dalam buku simpanan akan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat ini dan Pemegang Akaun bersetuju bahawa Pemegang Akaun terikat dengan Peraturan Akaun Simpanan.
- 7.6 Pemegang Akaun boleh memohon penyata fizikal sementara (*ad hoc*) di kaunter tertakluk pada caj semasa Bank yang berkaitan.
- 7.7 Pemegang Akaun bersetuju dan mengaku janji untuk menyemak dengan teliti kesemua entri dalam buku simpanan dan Penyata Akaun dengan serta-merta dan melaporkan dengan segera kepada Bank mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan di dalamnya. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa pemberitahuan sebelum Pemegang Akaun meninggalkan premis Bank (bagi buku simpanan) atau pemberitahuan secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh Penyata Akaun (bagi Penyata Akaun) mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan berkaitan dengan entri dalam buku simpanan dan Penyata Akaun tersebut, Pemegang Akaun akan dianggap sebagai telah menerima entri tersebut yang dibuat sehingga tarikh entri terakhir dalam buku simpanan dan Penyata Akaun sebagai betul dan konklusif termasuk tetapi tidak terhad pada mana-mana atau kesemua pengeluaran atau pendebitan lain dalam Akaun.
- 7.8 Pemegang Akaun tidak akan selepas meninggalkan premis Bank (bagi buku simpanan) atau tamatnya tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar (bagi Penyata Akaun) mempertikaikan apa-apa butiran buku simpanan itu tertakluk sentiasa bahawa Bank boleh membalikkan apa-apa butiran yang dikreditkan secara silap dalam Akaun. Pemegang Akaun seterusnya mengaku janji untuk memulangkan balik semua entri kredit yang dikreditkan secara silap dalam akaun dan menanggung rugi Bank daripada apa-apa kerugian yang Bank mungkin alami disebabkan oleh entri kredit yang dikreditkan secara silap tersebut.

8. Hibah (Hadiah)

- 8.1 Bank menjamin pembayaran deposit yang terdapat dalam kredit Akaun ini. Pemegang Akaun tidak layak untuk apa-apa hibah (hadiah). Bagaimanapun, apa-apa hibah (hadiah) yang diberi oleh Bank adalah atas budi bicara Bank dan bukanlah sebagai syarat kontrak Qard seperti yang dinyatakan di bawah fasal 20.1.

9. Mandat/Arahan

- 9.1 Semua arahan berkaitan dengan Akaun ini mestilah diberi kepada Bank di kaunter cawangan Bank tempat Akaun dibuka.
- 9.2 Tanpa mengambil kira apa-apa fasal dalam Terma dan Syarat ini, Bank berhak untuk menolak daripada menerima atau melaksanakan apa-apa arahan, sama ada untuk pengeluaran atau apa-apa urus niaga lain atau apa-apa perkara berkaitan dengan Akaun, sekiranya:-
- 9.2.1 Bank tidak dapat mengesahkan identiti Pemegang Akaun dengan memuaskan;
 - 9.2.2 Bank meragui bahawa arahan tersebut tidak sah, tidak jelas atau tidak lengkap;

- 9.2.3 Bentuk atau kandungan arahan tersebut tidak mengikut syarat, dasar atau amalan seperti yang Bank tentukan dari semasa ke semasa;
- 9.2.4 Arahan tersebut tidak mengikut mandat yang berkuat kuasa pada waktu itu berkaitan dengan pengendalian Akaun berkenaan;
- 9.2.5 Bank mempercayai atau mengesyaki bahawa arahan tersebut tidak dibenarkan, berunsur penipuan atau dipalsukan;
- 9.2.6 Tandatangan pada arahan tersebut berbeza daripada contoh tandatangan dalam rekod Bank;
- 9.2.7 Bank menganggapnya tidak sesuai mengikut keadaan,

dan Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Pemegang Akaun atas apa-apa kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang timbul berikutan keengganan Bank untuk melaksanakannya.

10. Fi dan Caj

- 10.1 Bank boleh mengenakan apa-apa komisen dan caj pada kadar semasa yang ditentukan bagi apa-apa deposit atau pengeluaran dalam dan daripada Akaun atau apa-apa fi dan caj lain yang munasabah dari semasa ke semasa untuk perkhidmatan dan kemudahan yang diberi kepada Pemegang Akaun. Fi, komisen dan caj berkenaan boleh didapati di laman web Bank.
- 10.2 Pemegang Akaun bertanggungjawab untuk membayar kesemua komisen, kos, caj, fi dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad pada fi guaman) berkaitan atau berhubung dengan Akaun ini termasuk tetapi tidak terhad pada penguatkuasaan atau pengekalan, percubaan bagi penguatkuasaan atau pengekalan mana-mana hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini atau apa-apa perkara berkaitan dengan Akaun ini.
- 10.3 Pemegang Akaun membenarkan Bank untuk mendebit mana-mana Akaun untuk kesemua komisen, kos, caj, fi dan perbelanjaan berkenaan.

11. Perubahan Rekod

- 11.1 Pemegang Akaun akan memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta secara bertulis mengenai apa-apa perubahan dalam rekod yang disenggara dengan Bank dan mengemukakan dokumen sokongan yang perlu kepada Bank berkaitan dengan perubahan itu.

12. Penutupan Akaun

- 12.1 Pemegang Akaun boleh menutup Akaun dengan memberi notis bertulis kepada Bank dalam bentuk dan kandungan yang diterima oleh Bank dan menyelesaikan kesemua amaun belum jelas yang perlu dibayar kepada Bank. Arahan untuk menutup akaun yang disampaikan sama ada secara lisan atau melalui telefon, faks atau e-mel internet tidak diterima oleh Bank.
- 12.2 Pemegang Akaun hendaklah menyenggara akaun dalam cara yang memuaskan dan menurut Terma dan Syarat ini, jika tidak, Bank boleh menutup Akaun itu dengan memberi notis bertulis dalam tempoh seperti yang ditentukan dalam notis berkenaan.
- 12.3 Bank boleh mengeluarkan Cek Jurubank bagi keseluruhan baki yang ada dalam Akaun, tolak kos pentadbiran atau kos lain yang ditanggung oleh Bank dan akan mengepos Cek Jurubank itu ke alamat terakhir Pemegang Akaun yang diketahui dan yang berdaftar dengan Bank.

13. Penggantungan dan Penamatan Akaun

- 13.1 Pemegang Akaun mengakui bahawa Akaun akan ditutup selepas tamat tempoh dua (2) tahun (atau tempoh lain seumpamanya seperti yang diberitahu kepada Pemegang Akaun oleh Bank) dari tarikh akaun dibuka.
- 13.2 Bank boleh, dengan memberi notis terlebih dahulu, menggantung atau membekukan Akaun tanpa dipertanggungjawabkan untuk memberi apa-apa sebab.
- 13.3 Tanpa mengambil kira apa-apa fasal lain dalam Terma dan Syarat ini, Bank boleh menutup, menamatkan, menggantung atau membekukan Akaun ini dengan serta-merta sekiranya:-
 - 13.3.1 Pemegang Akaun mengugut untuk memungkiri atau telah memungkiri mana-mana fasal dalam Terma dan Syarat ini;
 - 13.3.2 Pemegang Akaun meninggal dunia atau menjadi kurang upaya, hilang akal, tidak solven, bankrap atau menghadapi prosiding guaman;
 - 13.3.3 Apa-apa representasi, jaminan atau aku janji yang dibuat kepada Bank adalah atau akan menjadi tidak betul atau mengelirukan dalam aspek material;
 - 13.3.4 Terdapat apa-apa prosiding litigasi (sivil atau jenayah), penimbangtaraan atau pentadbiran yang akan dijalankan, sedang dijalankan atau akan diambil terhadap Pemegang Akaun;
 - 13.3.5 Penyampaian apa-apa proses atau perintah guaman oleh mahkamah kepada Bank terhadap Akaun atau Pemegang Akaun;

- 13.3.6 Bank mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Akaun digunakan untuk apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang;
 - 13.3.7 Terdapat apa-apa penyiataan oleh mana-mana polis, pihak berkuasa atau pengawalseliaan yang akan dijalankan, sedang dijalankan atau akan diambil terhadap Pemegang Akaun;
 - 13.3.8 Terdapat laporan yang dibuat terhadap Pemegang Akaun di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (seperti yang dipinda atau digantikan dari semasa ke semasa); atau
 - 13.3.9 Apa-apa penyiataan yang akan atau sedang dijalankan oleh Bank ke atas Pemegang Akaun, Akaun dan/atau apa-apa urusan niaga berkaitan dengan Akaun.
- 13.4 Bank boleh mengambil semua tindakan yang Bank anggap wajar bagi tujuan memenuhi apa-apa obligasi atau syarat berkaitan dengan pencegahan apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad pada penipuan, pengubahan wang haram, aktiviti pengganas, sogokan, rasuah atau pengelakan cukai atau penguatkuasaan apa-apa sekatan ekonomi atau perdagangan.
- 13.5 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, apa-apa penutupan, pembekuan, penamatan atau penggantungan Akaun tidak akan melayakkan Pemegang Akaun untuk menuntut apa-apa pampasan daripada Bank atas apa-apa kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Pemegang Akaun sama ada disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh penutupan, pembekuan, penamatan atau penggantungan berkenaan.

14. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

- 14.1 Deposit yang disenggara oleh Pemegang Akaun dalam Akaun ini dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000.00 ("deposit berinsurans") bagi setiap pendeposit.
- 14.2 Apa-apa wang yang dikeluarkan daripada deposit berinsurans Pemegang Akaun tidak lagi dilindungi oleh PIDM, jika:
- 14.2.1 tujuannya adalah bagi pembelian apa-apa unit dalam skim unit amanah/pembukaan akaun simpanan dalam Lembaga Tabung Haji atau membuka skim simpanan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).
 - 14.2.2 Tujuannya adalah bagi pembelian atau pindahan kepada:-
 - (a) Akaun deposit boleh dibayar di luar Malaysia
 - (b) Akaun deposit yang dipegang oleh institusi kewangan yang menjalankan perniagaan perbankan di Labuan atau perniagaan perbankan Islam di Labuan;
 - (c) Akaun deposit yang dipegang oleh ahli bukan pengambil deposit PIDM; atau
 - (d) Akaun bukan deposit (termasuk tanpa penghadan pada skim unit amanah, akaun perdagangan sekuriti, akaun pelaburan emas tetapi tidak termasuk produk takaful atau insurans).

15. Representasi dan Jaminan

- 15.1 Pemegang Akaun menyatakan dan menjamin bahawa:-
- 15.1.1 Pemegang Akaun adalah warganegara Malaysia berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dan memegang MyKad yang sah;
 - 15.1.2 Pemegang Akaun mempunyai kuasa, hak, keupayaan dan autoriti sepenuhnya untuk menerima dan bersetuju dengan Terma dan Syarat ini dan melaksanakan obligasi di bawah Terma dan Syarat ini;
 - 15.1.3 Pemegang Akaun telah memperoleh kesemua kelulusan yang diperlukan bagi membuka dan mengendalikan akaun, prestasi, tindakan dan amalan yang dipertimbangkan di bawah Terma dan Syarat ini dan berkaitan dengan Akaun;
 - 15.1.4 tiada orang lain selain daripada Pemegang Akaun mempunyai kepentingan dalam Akaun ini;
 - 15.1.5 Pemegang Akaun tidak membuat apa-apa lien, caj, cagaran, pindahan, serah hak atau yang membebankan akaun;
 - 15.1.6 Pemegang Akaun bukan seorang bankrap atau berdepan dengan apa-apa prosiding kebangkrutan;
 - 15.1.7 semua maklumat yang diberikan oleh Pemegang Akaun kepada Bank berkaitan dengan Akaun adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan;
 - 15.1.8 Pemegang Akaun tidak menyedari dan tidak pernah dengan sengaja menyembunyikan apa-apa maklumat atau fakta yang boleh menyebabkan atau mengakibatkan akaun dibuka sehingga menyebabkan Bank memungkirkan apa-apa undang-undang yang diterima pakai;

15.1.9 Pemegang Akaun tidak terlibat dalam apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang dan semua wang yang diberi kepada Bank bukan dalam apa jua cara diperolehi daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang.

15.2 Pemegang Akaun mengakui bahawa Bank menerima pembukaan Akaun berdasarkan pada representasi dan jaminan di atas.

15.3 Pemegang Akaun bersetuju, berwaad dan mengesahkan bahawa setiap daripada representasi dan jaminan di atas hendaklah dianggap telah diulang apabila Pemegang Akaun memberi apa-apa arahan berkaitan dengan Akaun.

16. Hak untuk Mendebit Akaun

16.1 Pemegang Akaun bersetuju untuk membayar dan membenarkan Bank untuk mendebit akaun ini bagi:

16.1.1 Apa-apa draf, wang pos dan kiriman pos atau apa-apa instrumen lain atau untuk apa-apa caj/perbelanjaan yang dikenakan berikutan daripadanya dan apa-apa fi atau komisen lain; atau

16.1.2 Apa-apa caj perkhidmatan yang berkenaan, fi pengendalian atau apa-apa fi atau caj lain yang munasabah yang dikenakan oleh Bank dan diluluskan oleh BNM; atau

16.1.3 Cukai lain yang berkenaan sama ada dikuatkuasakan pada masa ini atau yang akan dikuatkuasakan dan yang boleh dicaj menurut undang-undang bagi perkhidmatan dan kemudahan yang diberi kepada Pemegang Akaun.

16.2 Apabila Bank menerima notis bahawa dana telah dikreditkan atau dipindahkan dalam Akaun secara silap, salah atau melalui maklumat yang mengelirukan (dana yang tidak disengajakan) yang diberikan kepada pembayar dana tidak disengajakan itu, Bank berhak untuk dengan segera memegang dana yang tidak disengajakan itu. Pemegang Akaun bersetuju dan mengakui bahawa:

16.2.1 Pemegang Akaun tidak berhak untuk menggunakan apa-apa dana dalam akaun yang bukan milik Pemegang Akaun; dan

16.2.2 Tindakan boleh diambil terhadap Pemegang Akaun jika Pemegang Akaun:

(a) Menyalah guna dana yang tidak disengajakan milik pembayar itu; atau

(b) Terlibat dengan apa-apa tindakan penipuan (misalnya akaun keldai).

Bank akan memaklumkan kepada saya tentang tuntutan pembayar bagi dana tidak disengajakan itu.

17. Hak untuk Menolak Selesai

17.1 Pemegang Akaun bersetuju bahawa selain apa-apa lien am atau hak serupa lain yang Bank, sebagai jurubank mungkin berhak dari segi undang-undang, Bank boleh, dengan notis awal selama tujuh (7) hari kepada Pemegang Akaun, untuk:

17.1.1 Menggabungkan atau menyatukan kesemua atau mana-mana akaun perbankan Pemegang Akaun yang dipegang dengan Bank dan dan apa-apa syarikat dalam Kumpulan PBB (dalam apa jua bentuk) termasuk tetapi tidak terhad pada mana-mana akaun perbankan yang dipegang secara bersama dengan orang lain, dengan apa-apa liabiliti Pemegang Akaun di bawah mana-mana perjanjian atau kontrak dengan Bank dan apa-apa syarikat dalam Kumpulan PBB; dan

17.1.2 menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah baki kredit yang terdapat dalam akaun perbankan Pemegang Akaun yang dipegang dengan Bank (dalam apa jua bentuk) termasuk tetapi tidak terhad pada mana-mana akaun perbankan yang dipegang secara bersama dengan orang lain untuk membayar apa-apa liabiliti Pemegang Akaun kepada Bank dan dan apa-apa syarikat dalam Kumpulan PBB sama ada liabiliti itu adalah pada masa ini, masa hadapan, sebenar, luar jangka, utama atau cagaran atau berasingan atau bersejajarnya.

17.2 Selepas notis yang dinyatakan di atas dikeluarkan, Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank dan syarikat yang berkenaan dalam Kumpulan PBB mempunyai hak untuk menguntukkan atau menahan baki kredit itu atau kesemua atau mana-mana akaun perbankan Pemegang Akaun yang dipegang dengan Bank dan syarikat yang berkenaan dalam Kumpulan PBB sebelum menolak selesai dan Pemegang Akaun tidak layak untuk mengeluarkan wang tersebut tanpa keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Bank dan syarikat yang berkenaan dalam Kumpulan PBB.

17.3 Sekiranya Pemegang Akaun mempunyai apa-apa liabiliti luar jangka atau masa hadapan untuk dibayar yang mana wang tersebut akan dikeluarkan daripada Akaun, Bank berhak untuk menggantung bayaran tersebut atau menahan apa-apa jumlah baki kredit Akaun sehingga peristiwa luar jangka atau masa hadapan itu berlaku.

17.4 Sekiranya penggabungan, tolak selesai atau pindahan sedemikian memerlukan penukaran satu mata wang kepada satu mata wang yang lain, penukaran sedemikian hendaklah dikira pada kadar penukaran semerta semasa Bank (seperti yang ditentukan secara muktamad oleh Bank) bagi pembelian mata wang yang Pemegang Akaun dipertanggungjawabkan dengan mata wang sedia ada yang telah ditukarkan. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian berikutan pelaksanaan haknya di bawah Terma dan Syarat ini.

18. Hak untuk Membuat Pelarasan

18.1 Bank berhak untuk menyelaraskan apa-apa entri dalam rekodnya sekiranya terdapat kesilapan dalam entri tersebut.

19. Cukai, Duti, Levi dan Risiko Kadar Pertukaran

- 19.1 Bank berhak untuk menahan suatu jumlah daripada deposit seperti yang diperlukan untuk membayar cukai yang berkenaan, sama ada yang dikuatkuasakan pada masa ini atau yang akan dikuatkuasakan dan yang boleh dicaj menurut undang-undang bagi perkhidmatan dan kemudahan yang diberi oleh Bank kepada Pemegang Akaun, dan jenis levi lain yang mungkin dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan dari semasa ke semasa.
- 19.2 Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan walau apa jua sekali pun terhadap Pemegang Akaun atas apa-apa pengurangan atau penghausan baki dalam Akaun atau nilai baki berkenaan disebabkan oleh cukai, penyusutan nilai mata wang asing, penghadan atau kebolehtukaran, penyekatan atau perubahan dalam dasar di negara mata wang tersebut dan Malaysia dalam apa jua bentuk termasuk pelaksanaan kuasa kerajaan atau ketenteraan, peperangan, mogok atau sebab lain di luar kawalan Bank.
- 19.3 Pemegang Akaun dipertanggungjawabkan untuk membayar apa-apa cukai atau levi seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan yang dikeluarkan di bawah undang-undang berkenaan (dan hendaklah termasuk apa-apa pindaan yang dibuat pada undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan berkenaan) untuk dibayar kepada mana-mana badan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank berkenaan dengan apa-apa fi dan caj yang dikenakan atau dialami oleh Bank dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank berkaitan dengan Akaun tersebut.
- 19.4 Apa-apa cukai atau levi yang dialami oleh Bank berkaitan dengan Akaun dan barang-barang atau perkhidmatan lain yang disediakan di bawah Akaun akan ditanggung oleh dan dicaj kepada Pemegang Akaun dan sekiranya Bank melaksanakan apa-apa bayaran, Pemegang Akaun dipertanggungjawabkan untuk membayar balik kepada Bank bagi amaun yang telah dibayar itu.

20. Undang-undang Syariah

- 20.1 Qard merujuk kontrak yang dibuat antara Pemegang Akaun (pemberi pinjam) dengan Bank (peminjam) yang mana Bank akan menjamin pembayaran balik berkenaan. Pemegang Akaun akan memberi keizinan kepada Bank untuk menguruskan kesemua atau sebahagian daripada wang yang terdapat dalam kredit Akaun Pemegang Akaun dalam apa jua cara sebagaimana yang Bank menganggap wajar menurut prinsip Syariah. Dengan itu, Bank menjamin pembayaran semula keseluruhan deposit atau mana-mana bahagian daripadanya yang terdapat dalam baki kredit Akaun Pemegang Akaun apabila diminta. Hibah (hadiah) (jika ada) bergantung pada budi bicara Bank.

21. Peraturan

- 21.1 Sebagai tambahan kepada peraturan Bank, Akaun ini tertakluk pada apa-apa dasar, undang-undang, peraturan, arahan atau permintaan daripada mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pengawalseliaan (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau sebaliknya) yang boleh mengenakan atau mengubah apa-apa keperluan berkaitan dengan Akaun yang Bank tertakluk padanya. Pemegang Akaun bersetuju untuk terikat dengan dan hendaklah pada setiap masa mematuhi semua dasar, arahan dan garis panduan BNM dan undang-undang Malaysia termasuk tetapi tidak terhad pada APKI.

22. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia Mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk

- 22.1 Pemegang Akaun faham dan mengakui bahawa menurut Seksyen 146 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI), Bank dibenarkan dari segi undang-undang untuk mendedahkan maklumat Pemegang Akaun mengenai hal-ehwal Pemegang Akaun, akaun perbankan atau pengendaliannya (termasuk tetapi tidak terhad pada baki kredit) (secara kolektif disebut sebagai "Maklumat Pemegang Akaun") kepada pihak ketiga seperti yang diluluskan oleh BNM bagi memudahkan dan/atau membenarkan Bank dan/atau syarikat-syarikat yang berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya dan/atau fungsi-fungsi mereka.
- 22.2 Pemegang Akaun memberi kebenaran tidak boleh ubah kepada Bank dan membenarkan Bank untuk mendedahkan maklumat Pemegang Akaun kepada mana-mana penjamin (penjamin-penjamin)/pihak sekuriti, peguam Bank, ejen pemungut hutang, pihak ketiga dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB pada bila-bila masa dan tanpa notis atau liabiliti yang Bank mengikut budi bicara boleh tentukan atau menganggap wajar untuk membolehkan Bank dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya dan/atau fungsi-fungsi mereka.

23. Notis Perlindungan Data dan Keizinan

- 23.1 Pemegang Akaun maklum bahawa notis privasi Bank mengenai pengumpulan, penggunaan, penyimpanan dan perkongsian maklumat peribadi Pemegang Akaun dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya ("Notis Privasi") boleh didapati melalui laman web Bank. Notis Privasi Bank juga boleh diperoleh daripada mana-mana cawangan Bank.
- 23.2 Pemegang Akaun mengesahkan bahawa Pemegang Akaun telah menerima, membaca, faham dan bersetuju untuk mematuhi Notis Privasi Bank. Pemegang Akaun bersetuju bahawa kandungan Notis Privasi hendaklah dianggap dimasukkan dengan merujuk Terma dan Syarat ini.
- 23.3 Sekiranya Pemegang Akaun memberi apa-apa data peribadi milik individu pihak ketiga kepada Bank bagi tujuan untuk membuka atau menyenggara Akaun atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pemegang Akaun mengakui dan mengesahkan bahawa Pemegang Akaun telah memperoleh keizinan daripada pihak ketiga sebelum mendedahkan data peribadinya kepada Bank dan telah memberi sesalanan notis privasi Bank kepada pihak ketiga yang bersetuju untuk mematuhi.
- 23.4 Pemegang Akaun maklum mengenai tujuan Bank untuk memaklumkan kepada Pemegang Akaun mengenai maklumat, pengumuman dan berita penting mengenai produk dan perkhidmatan termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran Bank dan Syarikat Gabungannya. Senarai Syarikat Gabungan Bank dinyatakan dalam Notis Privasi Bank.

23.5 Pemegang Akaun faham bahawa:

- 23.5.1 Pemegang Akaun berhak untuk mendapat akses kepada dan/atau memohon agar pembetulan dibuat pada maklumat peribadi yang ada pada Bank; dan
- 23.5.2 Pemegang Akaun boleh memaklumkan kepada Bank untuk tidak lagi menggunakan maklumat peribadi Pemegang Akaun bagi tujuan yang dinyatakan dalam fasal 23.4 di atas.

Apa-apa permintaan di bawah fasal ini boleh dibuat secara bertulis kepada Bank di cawangan pemegang akaun atau dengan menghantarnya ke Jabatan Khidmat Pelanggan, Tingkat 13, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

24. **Pendedahan Maklumat**

- 24.1 Sebagai tambahan kepada pendedahan yang dibenarkan dalam mana-mana undang bertulis, Pemegang Akaun bersetuju dan memberi keizinan kepada Bank (termasuk kakitangan, ejen Bank atau mana-mana orang yang Bank berikan akses kepada rekodnya berkaitan dengan Pemegang Akaun) untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan dengan hal-ehwal dan/atau akaun perbankan Pemegang Akaun kepada mereka yang berikut:-
- 24.1.1 Mana-mana satu atau lebih daripada satu orang ahli Kumpulan PBB (termasuk ejen, penyedia perkhidmatan, juruaudit, peguam cara dan penasihat profesional) bagi tujuan:
 - (a) Pelaporan;
 - (b) Melaksanakan fungsi berpusat termasuk tetapi tidak terhad pada audit, risiko, pengurusan, kewangan dan teknologi maklumat;
 - (c) Mematuhi dasar, garis panduan, arahan dan kehendak Kumpulan PBB;
 - (d) Pelaksanaan korporat;
 - (e) Pembasmian penipuan dan jenayah;
 - (f) Pemungutan hutang;
 - (g) Penyumberan luar fungsi dan/atau operasi Bank;
 - (h) Penyiasatan, pembasmian atau sebaliknya berkaitan dengan pengubahan wang haram dan aktiviti jenayah;
 - (i) Penambahbaikan dan melanjutkan pemberian perkhidmatan lain oleh Bank atau mana-mana Kumpulan PBB kepada Pemegang Akaun.
 - 24.1.2 Mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil oleh Bank untuk memelihara dan menguatkuasakan hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini;
 - 24.1.3 Mana-mana orang yang Bank ambil untuk melaksanakan atau berkenaan dengan pelaksanaan perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah disumberluarkan;
 - 24.1.4 Juruaudit, peguam dan penasihat profesional Bank;
 - 24.1.5 Polis atau mana-mana pegawai polis yang menjalankan siasatan berhubung dengan apa-apa kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
 - 24.1.6 Pencetak alatan tulis, pengedar sistem komputer yang Bank gunakan dan kepada mereka yang memasang dan menyelenggaranya, serta pembekal barang atau perkhidmatan lain yang diambil oleh Bank;
 - 24.1.7 Biro Kredit Pusat atau mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan atau diluluskan oleh BNM atau mana-mana biro atau agensi atau badan yang berdaftar dan dilesenkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010;
 - 24.1.8 Apa-apa agensi penarafan;
 - 24.1.9 Peserta sebenar atau bakal peserta atau separa peserta berkaitan dengan tanggungjawab Bank di bawah Terma dan Syarat ini atau penerima serah hak, novati atau penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, kakitangan, ejen atau penasihat);
 - 24.1.10 Mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank atau mana-mana ahli Kumpulan PBB;
 - 24.1.11 Mana-mana pihak berkuasa percukaian atau penyiasatan bagi tujuan untuk memudahkan pertukaran maklumat berkaitan dengan urusan cukai;
 - 24.1.12 Mana-mana pihak yang perlu untuk Bank menjalankan obligasinya dalam Terma dan Syarat ini;

24.1.13 Mana-mana orang yang kepadanya Bank atau mana-mana ahli dalam Kumpulan PBB dibenarkan atau yang perlu didedahkan di bawah undang-undang mana-mana negara.

25. **Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ("AMLA")**

- 25.1 Pemegang Akaun bersetuju dan mengesahkan bahawa Pemegang Akaun hendaklah pada setiap masa mematuhi AMLA berkaitan dengan semua urusan niaga yang dibuat bagi Akaun atau perkara yang timbul daripadanya sama ada secara langsung atau tidak langsung yang mana;
- 25.1.1 Bank mempunyai hak untuk menyimpan rekod semua urusan niaga dan mendedahkan apa-apa maklumat mengenai Pemegang Akaun seperti yang dikehendaki oleh undang-undang atau apa-apa arahan kerajaan atau pengawalseliaan bagi tujuan mematuhi AMLA;
- 25.1.2 Pemegang Akaun mengaku janji untuk memberi kepada Bank kesemua maklumat dan dokumen berkaitan seperti yang dan apabila diminta bagi tujuan pengenalan identiti Pemegang Akaun dan pengesahan sumber dana di bawah prinsip "Kenali Pelanggan Anda";
- 25.1.3 Pemegang Akaun mengesahkan bahawa kesemua wang yang dibayar/didepositkan dalam Akaun adalah dan hendaklah pada setiap masa merupakan daripada sumber yang sah di sisi undang-undang dan bukanlah daripada apa-apa aktiviti jenayah atau yang menyalahi undang-undang.

26. **Akta Wang Tidak Dituntut 1965**

- 26.1 Pemegang Akaun maklum mengenai peruntukan dalam Akta Wang Tidak Dituntut 1965, dalam mana akaun deposit Pemegang Akaun akan dikelaskan sebagai wang tidak dituntut selama tujuh (7) tahun dari tarikh urusan niaga terakhir yang dikendalikan oleh Pemegang Akaun. Dalam keadaan sedemikian, dana dalam akaun itu hendaklah dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut.
- 26.2 Sekiranya dana dalam Akaun tidak dituntut oleh Pemegang Akaun selepas Akaun ditamatkan atau ditutup, Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank akan memindahkan dana dalam Akaun kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut selepas akhir tempoh tujuh (7) tahun tanpa membuat rujukan selanjutnya kepada Pemegang Akaun.

27. **Standard Pelaporan Biasa (CRS) dan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)**

- 27.1 "CRS" ialah Undang-undang Percukaian Biasa mengenai Pertukaran Maklumat secara Automatik yang diperkenalkan oleh Organisasi bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) untuk bertukar-tukar maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin. CRS menghendaki Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan, untuk mengumpul maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin atau rakyat Malaysia yang merupakan pemastautin cukai asing dan melaporkan maklumat berkenaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang mana LHDNM akan bertukar-tukar maklumat kewangan pelanggan dengan wilayah bidang kuasa kena lapor CRS pada setiap tahun.
- 27.2 "FATCA" ialah undang-undang yang digubal oleh Kerajaan Amerika Syarikat (A.S.) yang memerlukan Kumpulan PBB yang mengambil bahagian dalam aturan FATCA sama ada melalui Perjanjian Antara Kerajaan atau melalui Perjanjian Institusi Kewangan Asing untuk melaporkan maklumat akaun yang berkaitan dengan Orang A.S. menerusi LHDNM atau pihak berkuasa percukaian yang berkaitan atau terus kepada Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri A.S. (IRS) pada setiap tahun.
- Dalam mencapai matlamat penguatkuasaan dan pematuhan pada undang-undang cukai FATCA dan CRS, Kumpulan PBB bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat peribadi tambahan pelanggan, persijilan dan dokumen daripada pelanggan yang mempunyai hubungan perniagaan dan urusan dengan Kumpulan PBB. Maklumat sedemikian boleh diperoleh semasa akaun dibuka atau pada bila-bila masa selepas itu, terutamanya sekiranya terdapat perubahan dalam keadaan.
- 27.3 Pemegang Akaun bersetuju dan mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank dalam tempoh tiga puluh (30) hari sekiranya terdapat perubahan pada maklumat Pemegang Akaun, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa pertukaran alamat kediaman/perniagaan, nombor telefon, kerakyatan, maklumat pengenalanpastian cukai peribadi, pemilikan syarikat dsb. Pemegang Akaun akan mengemukakan kepada Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan, dokumen yang diperlukan bagi membuktikan perubahan tersebut dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh perubahan.
- 27.4 Pemegang Akaun secara nyata mengizinkan Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan untuk mendedahkan maklumat percukaian Pemegang Akaun bagi tujuan pelaporan CRS dan FATCA yang termasuk tetapi tidak terhad kepada Nombor Pengenalan Cukai (TIN) Pemegang Akaun kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang lain bagi tujuan untuk memastikan pematuhan Bank dan Kumpulan PBB kepada undang-undang yang diterima pakai dan peraturan-peraturan di bawah FATCA dan CRS.
- 27.5 Dengan ini Pemegang Akaun mengesahkan bahawa:
- 27.5.1 Pemegang Akaun akan mematuhi kewajipan di bawah fasal 27.3 dan 27.4 di atas;
- 27.5.2 Kesemua maklumat yang diberikan oleh Pemegang Akaun dalam borang dan dokumen yang dilengkapkan dan/atau diberi kepada Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan adalah benar, betul, boleh dipercayai dan terkini; dan
- 27.5.3 Bank atau mana-mana anggota dalam Kumpulan PBB dibenarkan untuk mendedahkan maklumat akaun kewangan Pemegang Akaun kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan seperti yang diperlukan.

- 27.6 Pemegang Akaun mengakui dan bersetuju bahawa sekiranya Pemegang Akaun enggan, gagal dan/atau abai dalam mengemas kini rekod dengan Bank atau Kumpulan PBB atau mematuhi keperluan FATCA dan/atau CRS dan/atau memberi maklumat palsu, tidak betul, tidak tepat atau lapuk kepada Bank atau Kumpulan PBB, Bank atau Kumpulan PBB mana yang berkenaan berhak untuk melaksanakan yang berikut:
- 27.6.1 Menutup Akaun dengan Bank dan apa-apa akaun yang Pemegang Akaun ada dengan Kumpulan PBB;
- 27.6.2 Enggan memberi perkhidmatan baharu Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan, kepada Pemegang Akaun; dan
- 27.6.3 Memberi maklumat akaun Pemegang Akaun kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan dalam memenuhi kewajipan FATCA dan CRS Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan.
- 27.7 Pemegang Akaun mengesahkan bahawa Pemegang Akaun akan mendapatkan nasihat guaman bebas mengenai kewajipan Pemegang Akaun di bawah FATCA dan CRS dan akan memastikan pematuhan sepenuhnya kepada nasihat itu dan selanjutnya mengesahkan bahawa Bank atau mana-mana anggota dalam Kumpulan PBB tidak berkewajipan untuk memberi nasihat guaman dan/atau cukai mengenai perkara tersebut.

28. Dasar Antisogokan dan Antirasuah Bank

- 28.1 Bank telah mewujudkan Dasar Antisogokan dan Antirasuah ("Dasar ABAC") yang menerima pakai "pendekatan toleransi sifar" terhadap apa jua bentuk sogokan dan rasuah dalam menjalankan perniagaannya. Untuk maklumat lanjut mengenai Dasar ABAC ini, sila layari laman web Bank.
- 28.2 Pemegang Akaun hendaklah memastikan Dasar ABAC dipatuhi pada setiap masa dan tidak terlibat dengan apa-apa perlakuan sogokan atau rasuah yang dianggap sebagai bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("Akta SPRM"), garis panduan, undang-undang kecil, peraturan dan apa-apa enakmen semula kepada Akta SPRM berkenaan.
- 28.3 Bank berhak untuk menutup Akaun dengan serta-merta sekiranya Pemegang Akaun didapati melanggar Dasar ABAC itu atau didapati terlibat dengan apa-apa amalan sogokan atau rasuah.

29. Liabiliti

- 29.1 Apabila Bank menerima atau menanggung liabiliti atas permohonan Pemegang Akaun, apa-apa dana atau sekuriti dan barang berharga lain milik Pemegang Akaun yang didepositkan dengan Bank dan dalam jagaan Bank hendaklah secara automatik menjadi sekuriti kepada Bank. Bank boleh menyimpan dana atau sekuriti atau barang berharga tersebut yang ada pada Bank atau mana-mana pun daripadanya dan berhak untuk menolak cek-cek Pemegang Akaun sehingga liabiliti itu diselesaikan.
- 29.2 Pemegang Akaun memberi keizinan kepada Bank untuk mendedahkan maklumat seperti yang mungkin diperlukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) menurut arahan BNM dan/atau kepada syarikat dalam Kumpulan PBB dan institusi-institusi kewangan lain bagi tujuan penilaian kredit yang *bona fide*.
- 29.3 Sekiranya Bank melantik atau terpaksa melantik peguam cara untuk menguatkuasakan mana-mana haknya di bawah Terma dan Syarat ini atau sebaliknya sama ada melalui prosiding guaman atau apa-apa cara lain berkaitan dengan Akaun, Pemegang Akaun bertanggungjawab untuk membayar Bank semua kos, fi dan caj yang berkaitan dengannya dan Bank mempunyai hak untuk mendebit Akaun tersebut bagi kos, fi dan caj berkenaan.
- 29.4 Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang Pemegang Akaun alami disebabkan oleh apa-apa pematuhan atau ketidakpatuhan oleh Bank:
- 29.4.1 Sekiranya arahan pembayaran yang dikeluarkan oleh Pemegang Akaun tidak lengkap atau tidak jelas; atau
- 29.4.2 Sekiranya amaun deposit tidak mencukupi untuk membayar caj bank dan amaun yang dinyatakan dalam arahan sedemikian; atau
- 29.4.3 Disebabkan oleh atau akibat daripada perniagaan atau operasi, yang terhalang atau terganggu disebabkan oleh kelewatan, pemalsuan tandatangan penandatanganan, perubahan dan/atau pemalsuan berikutan kecuaiannya Pemegang Akaun, permusuhan, terputusnya bekalan elektrik atau telekomunikasi atau sistem rangkaian komunikasi lain, rusuhan, sekatan, mogok, larangan atau kerosakan mesin atau peralatan.
- 29.5 Apa-apa bayaran yang dibuat oleh Bank menurut mana-mana arahan yang kononnya ditandatangani oleh Pemegang Akaun merupakan bayaran sepenuhnya dan Bank hendaklah dilepaskan daripada apa-apa liabiliti kepada Pemegang Akaun dan mana-mana pihak lain yang berkenaan.
- 29.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang dan dengan syarat ia bukan disebabkan oleh kecuaiannya atau salah laku yang disengajakan oleh Bank, Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kos, kerugian, caj dan/atau ganti rugi yang Pemegang Akaun tanggung atau alami berkaitan dengan apa-apa kegagalan, gangguan atau kerosakan sistem atau infrastruktur yang digunakan oleh Bank.

30. Tanggung Rugi

- 30.1 Selain daripada dan tanpa prejudis kepada apa-apa hak atau remedi (dari segi undang-undang atau sebaliknya) dan sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, Pemegang Akaun akan menanggung rugi dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi daripada dan terhadap semua kerugian, kos, caj dan perbelanjaan termasuk fi dan kos guaman (atas dasar tanggung rugi penuh) dan kesemua barang dan perkhidmatan, nilai yang ditambah dan duti, levi dan cukai lain yang perlu dibayar bagi kos, caj dan perbelanjaan sedemikian berikutan daripada atau berkaitan dengan:
- 30.1.1 Kegagalan Pemegang Akaun untuk mematuhi mana-mana Terma dan Syarat ini;
 - 30.1.2 Bank bertindak menurut apa-apa arahan yang diberikan oleh Pemegang Akaun dalam apa-apa cara yang dibenarkan di bawah Terma dan Syarat ini;
 - 30.1.3 Apa-apa perubahan dalam undang-undang yang diterima pakai termasuk tetapi tidak terhad pada undang-undang atau peraturan percukaian mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;
 - 30.1.4 Bank bergantung pada dan bertindak atas apa-apa arahan daripada Pemegang Akaun dengan kepercayaan mutlak walaupun selepas itu dibuktikan bahawa arahan tersebut tidak diberi, ditulis atau dibenarkan oleh Pemegang Akaun kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh Bank;
 - 30.1.5 Pemeliharaan atau penguatkuasaan hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini;
 - 30.1.6 Apa-apa tindakan oleh mana-mana pihak terhadap Pemegang Akaun atau Akaun bagi apa jua sebab termasuk tetapi tidak terhad pada penggunaan yang menyalahi undang-undang, penipuan, kecuaiian atau penggunaan tanpa kebenaran Akaun tersebut; dan/atau
 - 30.1.7 Akaun dikurangkan atau dibekukan oleh mana-mana kerajaan atau pegawai berkuasa.
- 30.2 Pemegang Akaun bersetuju untuk menanggung rugi Bank sebagai bank pemungut terhadap apa-apa kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan apa jua liabiliti lain pada bila-bila masa yang Bank mungkin alami bagi apa-apa cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen lain yang dikemukakan oleh Pemegang Akaun untuk kutipan. Ia hendaklah diterima dan difahamkan sebagai telah diterima apabila Pemegang Akaun menyatakan permohonannya dalam setiap kes bagi kredit Akaun.

31. Force Majeure

- 31.1 Sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan kewajibannya di bawah Terma dan Syarat ini berikutan apa-apa sebab di luar kawalan Bank termasuk tetapi tidak terhad pada:
- 31.1.1 Apa-apa kerosakan atau kegagalan peralatan, sistem atau pautan transmisi;
 - 31.1.2 apa-apa kebakaran, gempa bumi, banjir, letupan, bencana alam, ketentuan Tuhan, tindakan keganasan, peperangan (yang diisytiharkan atau tidak), kemalangan, epidemik, pandemik, mogok, sekatan masuk, pertikaian buruh, embargo, rusuhan, gangguan sivil, tsunami;
 - 31.1.3 Apa-apa kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, elektrik, bekalan air dan minyak; atau
 - 31.1.4 Apa-apa keadaan lain dalam bentuk *force majeure*, iaitu peristiwa luar jangka yang menghalang Bank daripada melaksanakan kewajibannya di bawah Terma dan Syarat ini,

Bank tidak akan dalam apa jua cara bertanggungjawab terhadap apa-apa kelewatan, kerugian, kerosakan atau kesukaran yang Pemegang Akaun mungkin alami berikutan kegagalan untuk melaksanakannya.

32. Penepian

- 32.1 Kegagalan atau kelewatan di pihak Bank dalam melaksanakan atau ketinggalan untuk melaksanakan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang disediakan dalam Terma dan Syarat ini hendaklah tidak dianggap sebagai pengecualian oleh Bank untuk melaksanakan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi atau akuiesens keingkaran demikian. Bank mengekalkan hak pada bila-bila masa selepas itu untuk menguatkuasakan atau mendesak ke atas hak Bank berkaitan dengan kemungkiran atau kemungkiran berikutnya oleh Pemegang Akaun.

33. Kebolehasingan

- 33.1 Jika mana-mana fasal dalam Terma dan Syarat ini menjadi tidak sah, batal atau tidak boleh dikuatkuasakan, fasal tidak sah, batal atau tidak boleh dikuatkuasakan itu hendaklah dianggap sebagai tidak termasuk dalam Terma dan Syarat ini dan fasal-fasal lain dalam Terma dan Syarat ini hendaklah terus berkuat kuasa dan dikuatkuasakan dan dilaksanakan dan tidak terjejas dalam apa jua cara oleh fasal yang tidak sah, batal atau tidak boleh dikuatkuasakan itu.

34. **Remedi Terkumpul**

34.1 Hak, kuasa dan keistimewaan yang diberi di bawah Terma dan Syarat ini adalah kumulatif dan tidak eksklusif berkenaan dengan apa-apa hak, remedi dan keistimewaan yang disediakan oleh undang-undang, dalam perjanjian lain antara pihak-pihak dan sebaliknya.

35. **Pemeliharaan Hak dan Kelayakan**

35.1 Pemegang Akaun bersetuju bahawa tanpa mengira apa yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, hak dan kelayakan Bank seperti yang dinyatakan di bawah Terma dan Syarat ini akan terus berkuat kuasa dan dilaksanakan dan akan mengatasi apa-apa penamatan, pembatalan, penutupan atau penggantungan Akaun.

36. **Perubahan dalam Perlembagaan**

36.1 Terma dan Syarat ini akan terus dianggap sah dan mengikat bagi semua tujuan tanpa mengambil kira:-

36.1.1 Apa-apa perubahan disebabkan oleh kebangkrapan atau kematian Pemegang Akaun atau sebaliknya; atau

36.1.2 Apa-apa perubahan secara penggabungan, penyatuan, pembangunan semua, penggulungan atau pembubaran atau sebaliknya yang mungkin dibuat dalam perlembagaan Bank atau mana-mana syarikat lain yang menjalankan perniagaan Bank, dan hendaklah tersedia kepada syarikat yang menjalankan perniagaan itu pada waktu tersebut.

37. **Boleh Serah Hak**

37.1 Pemegang Akaun tidak boleh menyerah hak dan/atau memindahkan apa-apa hak, kepentingan, hak milik dan liabilitinya di bawah Terma dan Syarat ini dan Akaun.

37.2 Bank boleh meletak hak dan/atau memindahkan semua atau mana-mana hak, hak milik, kepentingan dan liabilitinya di bawah Terma dan Syarat ini dan/atau Akaun kepada mana-mana orang yang Bank menganggap wajar.

38. **Perubahan**

38.1 Bank boleh, pada bila-bila masa, mengubah, meminda, menyemak semula atau mengubah suai mana-mana terma dalam Terma dan Syarat ini termasuk tetapi tidak terhad pada ciri-ciri dan manfaat Akaun dan Peraturan Akaun Simpanan dengan memberi notis selama dua puluh satu hari (21) terlebih dahulu kepada Pemegang Akaun.

Semua perubahan akan dipaparkan melalui laman web Bank atau melalui apa-apa cara yang Bank mengikut budi bicaranya menganggap wajar. Apa-apa penambahan, perubahan, pindaan atau pengubahsuaian akan berkuatkuasa dari tarikh pemberian notis.

38.2 Sekiranya Pemegang Akaun terus mengekalkan dan/atau mengendalikan Akaun, Pemegang Akaun dianggap telah menerima penambahan, perubahan, pindaan, penyemakan semula atau pengubahsuaian kepada Terma dan Syarat ini dan akan terikat dengannya.

39. **Undang-undang yang Mengawal**

39.1 Terma dan Syarat ini akan dikawal oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Pemegang Akaun bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

39.2 Pemegang Akaun bersetuju untuk mengecualikan apa-apa bantahan atas sebab kesesuaian tempat, bidang kuasa atau sebab yang sama.

40. **Mengikat Pengganti**

40.1 Terma dan Syarat dalam ini hendaklah mengikat ke atas pengganti dari segi hak milik dan wakil peribadi Pemegang Akaun dan ke atas pengganti dan penerima serah hak Bank.

41. **Notis dan Komunikasi**

41.1 Pemegang Akaun akan memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan alamat dan maklumat untuk menghubungi. Sekiranya Pemegang Akaun tidak memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan maklumat berkenaan, Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank boleh bergantung kepada apa-apa alamat dan/atau maklumat untuk menghubungi seperti yang ada dalam rekod Bank atau yang Bank peroleh daripada apa-apa komunikasi yang dikatakan dikeluarkan oleh Pemegang Akaun kepada Bank.

41.2 Semua notis, permintaan dan komunikasi yang diberi oleh Bank kepada Pemegang Akaun boleh dihantar melalui cara yang berikut:-

41.2.1 Melalui pos (berdaftar, berdaftar AR, biasa atau sebaliknya) ke alamat terakhir Pemegang Akaun yang diketahui dalam rekod Bank dan akan dianggap telah diterima dua (2) hari selepas tarikh ia dipos;

- 41.2.2 Dengan tangan ke alamat terakhir Pemegang Akaun yang diketahui dalam rekod Bank dan akan dianggap dihantar pada masa penghantaran ke alamat Pemegang Akaun;
 - 41.2.3 Melalui mel elektronik ke alamat e-mel terakhir Pemegang Akaun yang diketahui dalam rekod Bank dan akan dianggap telah diterima pada masa mel elektronik selesai;
 - 41.2.4 Melalui penghantaran faksimile ke nombor faksimile yang terakhir diketahui oleh Bank dan akan dianggap telah diterima pada masa penghantaran faksimile selesai;
 - 41.2.5 Dengan mempamerkan di premis perniagaan dan laman web Bank dan akan dianggap telah diterima apabila dipamerkan;
 - 41.2.6 Dengan memasukkan notis dalam Penyata Akaun Pemegang Akaun dan akan dianggap telah diterima dua (2) hari selepas pengeposan Penyata Akaun berkenaan atau notis yang terkandung dalam Penyata Akaun;
 - 41.2.7 Melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) ke nombor telefon mudah alih yang terakhir diketahui oleh Bank dan akan dianggap sebagai telah diterima pada masa penghantaran SMS selesai; dan/atau
 - 41.2.8 Melalui cara lain yang Bank tentukan dari semasa ke semasa.
- 41.3 Apa-apa kegagalan oleh Pemegang Akaun untuk memaklumkan kepada Bank mengenai perubahan alamat dan/atau maklumat untuk menghubungi sehingga menyebabkan surat-menyurat dan/atau notis tertangguh atau tidak dapat dihantar tidak akan memprejudis hak dan kelayakan Bank di bawah Terma dan Syarat ini.

Jika berlaku apa-apa pertikaian atau percanggahan antara teks Bahasa Inggeris dengan terjemahan Bahasa Malaysia atau Bahasa Cina, maka teks Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

[RUANG SELEBIHNYA PADA HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]